

TARIKH	30/5 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	N 15	RUANGAN	NEWS

## 250 sertai seminar Skor A

Tabung Haji bantu ahli kelab TAHA di Mersing buat persiapan hadapi UPSR

Mohd Sah Muda

**M**ERSING: Seramai 250 ahli Kelab TAHA sekitar daerah ini dipilih menyertai seminar Skor A Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang berlangsung di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Mersing, dekat sini.

Seminar itu dianjurkan Tabung Haji Mersing dengan kerjasama Unit Pendidikan Berita Harian dan Pejabat Pelajaran Daerah dalam usaha meningkatkan persediaan ahli kelab berkenaan bagi menduduki UPSR 2012.

Pengurus TH Mersing, Yazid Ahmad, berkata pihaknya berharap menerusi inisiatif itu dalam membantu semua murid yang dipilih menyertai membuat persiapan yang mantap seterusnya mencipta kecemerlangan dalam UPSR kelak.

"Kami teruja kerana untuk kali pertama Tabung Haji menganjurkan seminar seumpama ini di Mersing dan ia mendapat sambutan amat menggalakkan dalam kalangan ahli Kelab TAHA kerana diadakan ketika cuti persekolahan.

"Seminar ini bertujuan memberi pendedahan kepada calon UPSR mengenai teknik menjawab soalan yang betul selain boleh dimanfaatkan mereka sepanjang persekolahan," katanya.

Beliau berkata, murid yang menyertai seminar itu terdiri daripada ahli Kelab TAHA daripada 11 sekolah sekitar kawasan Endau dan Tenggara. "Saya berharap menerusi inisiatif dianjurkan seminar di sini, kita dapat menyumbang kepada usaha melonjakkan pencapaian UPSR di sekitar daerah Mersing.

"Saya mendoakan supaya semua murid yang menyertai seminar ini mendapat keputusan cemerlang dalam UPSR yang akan diduduki mereka pada September ini," katanya.

Murid yang menyertai seminar itu menyifatkan peluang diberikan Tabung Haji sesuatu yang amat bermakna bagi membantu persiapan menduduki UPSR.

Murid SK Bandar Mersing, M Syahmi A Majid, 12, melahirkan penghargaan kepada Tabung Haji kerana seminar itu menjadi pengisian terbaiknya sepanjang cuti persekolahan yang sedang berlangsung ketika

ini yang diisi dengan tumpuan ulang kaji sepenuhnya.

"Saya berazam mengharumkan nama sekolah pada UPSR ini bekalkan pengetahuan yang berguna diperoleh sepanjang seminar ini meningkatkan lagi keyakinan menduduki peperiksaan kelak," katanya.

Murid SK FELDA Nitar 2, Siti Fatimah Rahmat, 12, berkata seminar itu membantu memberi pengetahuan berguna kepada semua peserta untuk melengkapkan persiapan yang sedang dibuat.



*Kami teruja kerana kali pertama Tabung Haji menganjurkan seminar seumpama ini di Mersing dan ia mendapat sambutan amat menggalakkan dalam kalangan ahli Kelab TAHA kerana diadakan ketika cuti persekolahan*

**Yazid Ahmad**  
Pengurus TH Mersing



YAZID (tengah bersongkok) bersama pelajar yang menyertai seminar TAHA di Mersing.